

Headline	LTH mahu ceburi dua industri canggih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,977
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,930



LTH mahu ceburi dua industri canggih

PETALING JAYA 8 Jan. - Lembaga Tabung Haji (LTH) yang terlibat dengan sektor perindustrian, perkhidmatan, perlادangan, perbankan, perhotelan serta pemilikan harta tanah merancang untuk membangunkan dua industri berteknologi tinggi pada tahun ini.

Penglibatan LTH dalam industri berteknologi tinggi itu sebagai salah satu usaha kumpulan dalam mempelbagaikan portfolio perniagaannya selain meningkatkan pendapatan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Paduka Ismee Ismail berkata, pihaknya dalam proses merangka kertas cadangan mengenai penglibatan dalam dua industri tersebut.

Malah katanya, LTH dalam proses mengkaji dua industri yang bakal diceburi tersebut.

"Kami masih belum dapat men dedahkan dua industri yang bakal diceburi kerana hal itu masih di peringkat cadangan.

"Dua industri berteknologi tinggi itu berkemungkinan dapat dilaksanakan pada tahun ini sejajar dengan saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mahu Malaysia mencapai status negara maju menerusi kecanggihan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri seminari pengarah-pengarah korporat LTH kali keenam di sini hari ini.



LTH SASAR PERTINGKAT PELABURAN DI ARAB SAUDI

- Lembaga Tabung Haji (LTH) mahu mempertingkatkan pelaburan harta tanahnya di Arab Saudi tahun ini.
- Di Arab Saudi, LTH mempunyai aset dalam bentuk pegangan pajakan di Mekah dan Madinah.
- Sebelum ini, LTH telah melabur **RM350 juta** di Mekah manakala

RM250 juta sehingga **RM300 juta** di Madinah.

- Selain Arab Saudi, LTH turut mempunyai pelaburan harta tanah di Australia dan United Kingdom.
- LTH kini mempunyai **8.3 juta** pendeposit dengan dana bernilai **RM45 bilion**.

Headline	LTH mahu ceburi dua industri canggih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,977
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,930

